# Suami Gaji Rendah Dari Isteri

## Gaji Rendah? – Apa Yang Boleh Si Suami Buat?

Sebenarnya masalah ini akan jadi masalah saya juga.

Si isteri kelulusan degree, saya diploma sahaja.

Dan jarak perbezaan gaji kami adalah…

Erm..

Jap saya kira…

Ialah 2000 untuk gaji pokok.

Dan kalau saya buat OT sikit. Perbezaan itu akan jadi 1000 ringgit.

Tapi kalau rajin sikit, gaji kami sudah sama banyak.

Sebab saya juga berniaga buat duit online yang macam anda baca ni. Jadi, kadang kadang agak buang masa pula saya rasa kalau pergi kerja.

Bagi saya, lebih baik saya update blog dan focus pada perniagaan internet.

## Masalah Kalau GAJI Isteri Lebih Tinggi?

Sememangnya ada masalah. Dan bagi saya masalah itu besar. Maaf ya. Mungkin dikalangan kita ada yang terpaksa kan.

Seperti contoh, di Kelantan, kenalan saya sendiri. Isterinya kerja kerajaan, confirm dekat 4k lebih. Tapi suami kerja

repair machine photostat sahaja.

So memang tak akan cecah 2k saya rasa.

Nak cari kilang lain tak ada pula kan. Banding dengan kilang saya kerja sekarang, insyaAllah lah boleh juga capai 4k dengan selamba.

Cuma malas tak malas sahaja nk ot. Dan kadang kadang, saya fikir lebih baik saya peruntukan masa cuti yang ada untuk menulis yang macam ni.

## Nak Beli Barang Guna Duit Siapa?

Situasi ni berlaku di kalangan kawan kawan saya sahaja rasanya ada juga lebih 3 orang kot. Sebab memang boleh kata mesti ada punya.

Dan kebanyakannya, macam kes tadi lah. Bila isteri kerja kerajaan. Serupa juga macam kes saya, bila isteri kerja kerajaan.

Tapi tak ada lah malang kalau isteri kerajaan. Malah ia sangat tinggi benefitnya. Nak buat loan rumah semua kan.

Tambahan lagi, bagi saya sendiri lah. Biar kira kerja swasta, yang penting isteri kerja kerajaan. Nanti apa apa senang kan.

Kalau isteri kerja swasta, macam saya sendiri risau juga. So bila dia kerja kerajaan harapnya dia ada lebih senang sikit lah.

## Kerjasama Kena Tinggi…

Sejujurnya, saya juga kadang kadang takut kalau si isteri mengungkit. Walaupun anda fikir, dia OK, tapi ini perempuan. So takut takut dia mengungkit, tambah pula kalau ada tekanan kerja lagi.

Jadi, tak lain tak bukan. Kerjasama antara dua orang ni kena

sangat sangat tinggi.

Bila nak beli barang, pandai pandai bahagikan.

Si suami, buat buat rajin lah sikit sidai baju ke.

# Apa Yang Boleh Dibuat Oleh Suami?

So saya share lah beberapa tindakan yang anda boleh buat kalau gaji rendah ya.

## Pertama – Pulun OT

Anda terpaksa pulun OT. OT memang kena kaw kaw punya. Pendek kata anda datang buat OT tu ibarat sudah macam itu memang hari bekerja anda. Bila dah OT memang penat kan. So, elok anda kerja shift 12 jam sahaja. Kerja shift 12 jam, memang nampak penat sebab kerja lama. Tapi tengok pada shift pattern kilang juga.

Contoh macam saya.

Sebelum ni, shift pattern, 4 2 4 2

Maksudnya, saya kerja 4 hari, cuti 2 hari, saya kerja 4 hari, cuti 2 hari. Dan seterusnya lah.

Kalau saya buat OT, bermaksud, time cuti 2 hari itu sahaja lah masa nya. Anda ambil OT satu hari, dan rehat 1 hari.

Tapi masalahnya kalau ambil OT bila shift anda nak masuk malam. Nanti cuti rehat tu ibarat macam setengah hari sahaja. Sebab bila kerja shift ni, masa masuk malam, di Ipoh ia akan anjak satu hari lebih awal.

Bermaksud, katakan 18 hari bulan anda masuk malam. Tapi 17hb petang tu sudah start kerja.

Itu sebab saya tukar ke kilang yang shift pattern nya, 4 3 3 4

Di sini kita bukan lagi cuti atau OFF day 2 hari, tapi 3 hari.

Pendek kata..time kerja saya ialah

4 hari kerja

3 hari cuti

3 hari kerja

4 hari cuti

Yang 4 hari cuti tu, rasanya macam 5 hari kita cuti tau sebabkan kalau malam kan kita masuk awal sehari. So memang rasa macam 5 hari cuti. Kalau tak buat OT lah.

Kalau nak buat OT dua hari pun tiada masalah, sebab kita ada masa lagi 2 hari untuk rehat kan.

Kalau macam ni kan, saya plan lebih kurang macam ni lah. Bila cuti 4 hari saya OT 2 hari, kalau cuti 3 hari, saya OT 1 hari.

Kalau saya kekal macam ni, insyaAllah, 3500 tu dalam tangan.

Tapi malangnya kilang ni dah tutup…di Ipoh ni.

Sekarang paling latest saya di Kedah. Alhamdullillah, dapat kerja untuk shift pattern yang sama juga, 4 3 3 4.

Tapi saya tak OT sangat.. Baik buat biz..

Ok ini yang pertama, maaf sebab ambil masa lama.

Kita pergi yang kedua pula.

## Kedua – Cari Kerja Lain..

Untuk point pertama, bukan semua kilang kelebihan nya OK kan.

So cari lah kerja lain, insyaAllah ia akan lebih baik.

Kan berhijrah itu adalah lebih baik

Betul tau, memang lah kita terpaksa jadi bodoh balik sebab kena belajar cara bekerja lain. Kena belajar machine lagi.

Sistem lain.

Kalau saya lagi lah, duk jauh dari tempat asal ni. Jalan raya pun kena belajar ingat ingat juga.

Dan Alhamdullillah, bila saya pindah ke tempat lain. KESEMUANYA berikan saya situasi atau keadaan hidup yang lebih baik.

Walaupun kadang kadang, ada yang terasa menyesal. Tapi tak apa, bukan selamanya tu. Sementara sahaja. Dan pasti ia adalah lebih baik untuk kita.

### Ketiga – Berniaga Ler Macam Teman

Ini option yang paling senang dan paling best dan paling terjamin.

Macam sekarang saya sikit lagi sahaja nak dijadikan sebagai pekerja sendiri untuk perniagaan sendiri.

Kiranya, kalau anda betul betul serius, dah tak perlu dah kerja dengan orang lain.

Ini adalah option yang sangat sangat saya galakkan pada anak anak muda.

Mula berniaga.

Berniaga kan sunnah.

Tak akan nak harap kan bangsa cina sahaja follow sunnah?

Saya ada kongsikan pengalaman kawan kawan saya yang berniaga, nanti saya siapkan ya.

## Keempat?

Entah lah.

Saya rasa 3 ini sahaja kot yang berlaku pada saya dan kawan

kawan.

Kalau anda ada tips lain, minta nyatakan, dan jelaskan juga. Nanti saya akan update jadikan post ini kalau ia ok

..